



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK HASHIM BIN MUJI

PENGURUS STESEN KERETAPI WOODLANDS

MENGENAI SEJARAH DAN PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGURUS STESEN  
KERETAPI

SITI NURUL FATEHAH BINTI MOHD ZAILANI

(2019554645)

NUR AYUNI BINTI SALIM

(2019725989)

SEMESTER MAC 2020-JULAI 2020

## ISI KANDUNGAN

	<b>Isi kandungan</b>	<b>M/S</b>
<b>Roman Numerals</b>	<b>Abstrak</b> <b>Penghargaan</b> <b>Senarai Abreviasi</b> <b>Senarai Singkatan</b> <b>Rujukan Kata</b>	<b>i</b> <b>ii</b> <b>iii</b> <b>iv</b> <b>v</b>
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual</b> <b>1.1 Penemubual Pertama</b> <b>1.2 Penemubual Kedua</b>	<b>1</b> <b>2</b>
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh</b> <b>2.1 Biodata Tokoh</b> <b>2.2 Pengenalan kepada Tokoh</b>	<b>3</b> <b>4</b>
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b> <b>3.1 Pengenalan</b> <b>3.2 Objektif Sejarah Lisan</b> <b>3.3 Kepentingan Sejarah Lisan</b>	<b>5</b> <b>5</b> <b>6</b>
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b> <b>4.1 Keretapi Tanah Melayu</b> <b>4.2 KTMB Woodlands</b>	<b>7</b> <b>8</b>
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual Bersama Tokoh</b>	<b>9-77</b>
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	<b>78-96</b>
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	<b>97</b>
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	<b>98-99</b>
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	<b>100</b>
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	<b>101</b>
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b> <b>11.1 Biografi Tokoh</b> <b>11.2 Surat Perjanjian</b> <b>11.3 Senarai Soalan</b> <b>11.4 Diari Penyelidikan</b> <b>11.5 Sijil sijil Penghargaan</b>	<b>102</b> <b>103</b> <b>104-109</b> <b>110-114</b> <b>115-116</b>

## **Abstrak**

*Pelbagai rangkaian pengankutan awam yang terdapat didalam negara seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad dan seharusnya pengangkutan awam ini mampu memberikan kesempurnaan dan kemudahan kepada rakyat bagi menjalani kehidupan sehari-hari. Umum mengetahui bahawa sektor pengangkutan KTMB telah mula dijalankan dan mula beroperasi sejak kurun lama lagi. KTMB juga berkhidmat di lebih 100 stesen di 10 negeri Semenanjung Malaysia dan negara Singapura. Tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mendapatkan maklumat daripada individu terpilih yang mengalami sesuatu peristiwa pada zamannya mengenai KTMB Woodland. Seterusnya, melalui sejarah lisan ini juga dapat menceritakan bagaimana berlaku pemindahan pemilikan daripada Keretapi Tanah Melayu kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad yang menjadikan iannya separa kepunyaan kerajaan dan juga sejarah yang belum pernah dirungkai oleh mana-mana pihak berkaitan stesen keretapi Woodlands tersebut. Seorang tokoh juga terlibat secara langsung dalam menjalankan sejarah lisan ini. Beliau diberi nama Hashim bin Muji. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam selok belok pentadbiran dan operasi KTMB dan kini memegang jawatan sebagai pengurus stesen di KTMB Woodland.*

Kata kunci : Keretapi, KTMB (Keretapi Tanah Melayu Berhad), Pegawai kastam, Pegawai Imegresen, Malaysia, Singapura, Sejarah lisan, Pendokumentasian, Penyelidikan.

### **Penghargaan**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana limpah kurnia serta izin-Nya dapat kami menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada kita semua.

Pertamanya, setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin selaku pensyarah kami yang telah terlalu banyak membantu, membimbing, menyumbangkan idea serta memberi teguran sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Tanpa tunjuk ajar yang begitu jitu dan tidak jemu daripada beliau, mana mungkin kami dapat menghasilkan satu penulisan yang baik.

Buat kedua ibu bapa serta seluruh ahli keluarga kami yang tercinta, ucapan terima kasih yang tidak ternilai khas didedikasikan atas segala dorongan, curahan kasih sayang dan doa restu dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan setinggi penghargaan kepada rakan - rakan yang sentiasa ada dan sering membantu, memberi cadangan dan juga sokongan moral yang tidak henti. Akhir kata, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Segala jasa baik kalian akan dikenang sampai bila – bila. Sekian terima kasih.

**Senarai Abreviasi**

SINGKATAN	MAKSUD
CCTV	Closed-circuit Television
ETS	Electronic Train Service
ICA	Immigration Checkpoint Authority
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTM	Keretapi Tanah Melayu
LRT	Light Rapid Transit
MRT	Mass Rapid Transit
OKU	Orang Kelainan Upaya
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SOP	Standard Operation Procedure
VVIP	Very Very Important Person